

Dakwah Sebagai Madrasah Pengokohan Jatidiri Seorang Muslim

Ahmad Nuryani¹ dan Mohamad Zulkifli Abd Ghani²

1. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Email : ahmadnuryanifb@yahoo.com

2. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Email : zulghani@ukm.edu.my

Abstrak – *Intisari daripada dakwah Rasulullah adalah petunjuk, pedoman, bagaimana manusia mampu menjaga nilai dan martabatnya agar tidak tergelincir. Maka dengan itu upaya dakwah terus dilakukan untuk mengingatkan dan mengembalikan manusia kepada fitrahnya. Manusia memiliki unsur jasmaniah dan rohaniahnya yang memiliki potensi yang mampu membawanya ke derajat yang lebih tinggi, bila unsur-unsur itu berkembang baik sesuai dengan tuntutan Allah SWT. Namun manusia juga memiliki peluang untuk turun derajat bahkan lebih rendah daripada binatang, jika dia tidak mampu mengembangkan jasmaniah dan rohaniahnya sesuai dengan tuntutan Allah SWT dan sunnatullah yang berlaku. Maka dari itu untuk pembentukan proses kepribadian seorang muslim harus didasari dengan nilai-nilai agama, disamping ditentukan oleh factor potensi manusia itu sendiri juga dipengaruhi oleh lingkungannya yang Islami*

Kata kunci: *Dakwah Rasulullah, jatidiri muslim, pengokohan muslim.*

I. Pendahuluan

Dakwah Islam adalah dakwah yang menyeru manusia kepada Allah SWT untuk melaksanakan Syariat-Nya. Dakwah Islam telah bermula sejak zaman Nabi Nuh a.s, dimana awal mula dakwah ketika itu mengajak manusia kepada tauhid hinggalah pada saat ini. Dakwah itu sendiri terus dilakukan oleh para kader-kader dakwah yang tujuannya ialah untuk meninggikan kalimatullah. Dakwah menjadikan masyarakat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera. Disamping menyeru manusia untuk mematuhi syari'at Allah s.w.t, dengan cara mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari, dakwah juga mengajarkan kepada manusia bagaimana meraungi kehidupan didunia dengan norma-norma yang benar berdasarkan ajaran agama Islam.

Pendekatan manusia dengan Allah SWT sangatlah penting dalam kehidupan, supaya manusia tidak terjerumus kepada jalan yang sesat. Sebenarnya dakwah Islam itu bertujuan memberi penerangan kepada umat manusia diseluruh muka bumi, dengan membawa sebuah gerakan islami yang mampu membentuk manusia kepada makhluk ciptaan-Nya yang sempurna. Untuk meraih kemenangan kehidupan didunia dan akhirat.

Pada hakikatnya, manusia itu terlahir dengan fitrah kecenderungan mengabdikan kepada Sang Pencipta. Namun fitrah yang ia bawa sejak lahir ini tidak mampu ia wujudkan kerana keadaan yang sangat bertentangan. Kemaksiatan yang merajalela dan kemungkarannya yang tersebar luas ini telah merubah keadaan manusia itu sendiri untuk melupakan Pencipta.

Dewasa ini, sering kita mendengar pelbagai isu-isu tentang kemerosotan akhlaq manusia kerana faktor lingkungan yang tidak Islami. Sehingga muncullah kader-kader dakwah dipelbagai tempat yang tujuannya untuk merubah keadaan manusia berada kepada jalan Dinul Islam. Jadi, makalah singkat ini akan membincangkan tentang dakwah sebagai madrasah pengokohan jatidiri seorang muslim. Dalam makalah ini, pembentang akan mengemukakan pengertian daripada dakwah itu sendiri, pensyariaan berdakwah menurut al-Quran, pembahagian dakwah, syarat-syarat untuk mencapai keberhasilan dakwah, dakwah syarat-syarat menjadi seorang muslim dan dakwah untuk pengokohan jatidiri seorang muslim.

II. Pengertian Dakwah.

Perkataan dakwah ialah bersumber daripada perkataan bahasa arab, ia berasal daripada perkataan *da'a* yang bermakna antara lain meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung. Sementara daripada sudut istilah ia bermakna usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredhaan Allah s.w.t. (Ab. Aziz Mohd. Zin 1997).

Dari segi istilah, bahawasanya perkataan dakwah menurut al-Sayyid Nawfal ialah dakwah islamiah itu sebagai usaha golongan tertentu yang mempunyai kemampuan memberi nasehat dan tunjuk ajar kepada sasaran untuk membawa mereka kepada agama islam dan menjauhkan mereka daripada kepercayaan-kepercayaan selain daripada Allah SWT dengan cara-cara tertentu. (al-Sayyid Nawfal 1977: h. 18).

Menurut al-Qardawi pula, dakwah islamiah merupakan usaha membawa orang lain kepada agama islam, supaya mengikut panduan agama ini, melaksanakan segala ketetapan yang dimuka bumi ini, mengkhususkan segala bentuk penghambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah SWT sahaja, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan daripada Allah s.w.t. (*taghut*) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah s.w.t., menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan berjihad di jalan Allah s.w.t. (al-Qardawi 1979: h. 5).

Manakala menurut al-Ghazali pula, dakwah islamiah merupakan satu program yang lengkap. Pada setiap peringkatnya manganungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan matlamat hidup dan bagi menyingkap jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka. (al-Ghazali 1981: h. 17).

Selain itu, Syalabi pula menjelaskan bahawa dakwah islamiah itu ialah merupakan gerakan untuk membawa atau mengubah sesebuah masyarakat daripada belenggu kekufuran kepada keimanan, daripada kegelapan kepada petunjuk Allah SWT dan daripada kesempitan kepada kelapangan, sama ada didunia dan diakhirat. (Syalabi 1982:h. 49). Adapun menurut al-Aluri pula, dakwah islamiah ialah merupakan memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran berdasarkan aqidah, kerana dakwah islamiah itu merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia daripada kesesatan yang hampir-hampir menjerumuskan mereka kedalamnya. (al-Aluri 1989: h. 17).

Berkata Ustadz Hasan A-Hudzaibi bahawasanya dakwah islamiah merupakan dakwah yang meliputi semua persoalan hidup dan kehidupan manusia, mampu mengubah akidah yang sesat (seperti mengubah keyakinan menyembah patung, menyembah sesame manusia) masuk kelubuk hati manusia untuk menerangi bashirah mereka, mampu memperlihatkan kepada mereka yang hak itu hak dan yang batil itu batil serta mampu membawa mereka untuk mengikuti kebenaran itu dan menjauhi kebatilan. Begitu pula Ustadz Umar Tilmasanie mengatakan: “ sesungguhnya dakwah islamiah itu adalah dakwah Rabbaniyyah (Allah sebagai tujuan utama), menyandarkan sasaran awal dan akhirnya agar manusia terikat kepada Kalq-nya mampu berbuat kebajikan kerananya, tidak ashabiyah, tidak egois, tidak mementingkan kelompoknya, tidak berkasta, dan tidak bersekte. Akan tetapi harus mengacu kepada berdirinya masyarakat islam dan pemerintahan islam”. (Al-Banna. 2012: h. 156).

Berdasarkan konseptual dakwah yang dikemukakan oleh para ilmuwan islam tersebut, maka dapatlah dirumuskan bahawa dakwah islamiah disini merujuk kepada semua usaha yang baik, yang dilakukan secara terancang bukan semata-mata laung sama ada secara individu atau berkumpulan dengan menggunakan pendekatan tertentu untuk mengajak manusia kepada Agama Islam yang diredai Allah s.w.t.

II. 1. Dalil – Dalil Pensyariatan Dakwah

Banyak sekali kita menjumpai dalil daripada Al-Quran tentang kewajiban berdakwah terhadap orang muslim di jalan Allah s.w.t. diantara dalil-dalil yang termaktub dalam al-Quran diantaranya:

والذين اتينهم الكتاب يفرحون بما أنزل إليك ومن الأحزاب من ينكر بعضه قل إنما أمرت أن أعبد الله ولا أشرك به إليه ادعوا وإليه ماب.

“Orang-orang yang telah Kami Berikan Kitab kepada mereka bergembira dengan kitab yang diturunkan kepada kamu, dan diantara golongan-golongan (Yahudi dan Nasrani) yang bersekutu, ada yang mengingkari sebagiannya. Katakanlah, “Sesungguhnya aku hanya diperintah untuk menyembah Allah SWT dan tidak mempersekutukan dengan sesuatupun dengan Dia. Hanya kepada-Nya aku seru (manusia) dan hanya kepada-Nya aku kembali.”

(Ar rad 13:36).

ادع إلي سبيل ربك بالحكمة والموعظة الحسنة وجادلهم بالتتي هي أحسن إن ربك هو اعلم بمن ضل عن سبيله وهو اعلم بالمهتدين.

“Serulah (manusia) kepada Jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhan-mu Dialah yang lebih Mengetahui tentang siapa yang tersesat dari Jalan-Nya dan Dialah yang lebih Mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

(An nahl 16:125).

لكل أمة جعلنا منسكاهم ناكسوه فلا يناز عنك في الأمر وادع إلي ربك إنك لعلي هدي مستقيم.

“Bagi tiap-tiap umat telah Kami tetapkan Syari’at tertentu yang mereka lakukan, maka janganlah sekali-kali mereka membantah kamu dalam urusan (Syari’at) ini dan serulah kepada (Agama) Tuhan-mu. Sesungguhnya kamu benar-benar berada pada jalan yang lurus.”

(Al hajj 22:67).

ومن أحسن قولاً ممن دعا إلى الله وعمل صالحاً وقال إنني من المسلمين.

“Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang saleh dan berkata, ‘Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri?’.”

(Fussilat 41:33).

Pengertian dakwah dalam ayat-ayat diatas bermaksud satu gerakan atau usaha untuk mengajak umat manusia kepada agama Allah SWT yakni agama islam secara terancang dan tersusun. Menurut Ab. Aziz Mohd Zin pula bahawasanya dakwah bukanlah semata-mata laungan yang membuta tuli, tetapi ia merupakan satu seruan yang terancang dan tersusun. Dakwah bukan semata-mata mengajarkan ilmu yang diturunkan melalui wahyu atau yang disebut sebagai ilmu agama, tetapi juga mengandungi ilmu-ilmu yang boleh memberi faedah yang baik bagi mempengaruhi orang yang diajak itu. Dakwah bukanlah berarti agama itu sendiri, tetapi usaha untuk membawa manusia kepada agama itu. Tegasnya, dakwah itu merupakan usaha-usaha yang dirancang dengan baik bertujuan untuk membawa manusia supaya mengetahui tujuan hidup bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. (Ab. Aziz Mohd. Zin 1997: h. 4).

II.2. Kewajiban Berdakwah

Agama islam merupakan satu-satunya agama samawi yang murni sangat berbeda dengan agama selain islam seperti Kristen, hindu, budha, dan lain-lain. Perbedaan tersebut dapat dilihat dari segi misi yang dipikul untuk mengembangkan dan menyebarkan agama tersebut. Islam sebagai agama, kemajuannya jelas tidak tergantung kepada zending tertentu, sebagaimana yang terdapat pada agama Kristen. Tetapi setiap pribadi muslim adalah iklan kepada agama Islam. Setiap individu muslim yang memiliki pengetahuan tentang agama islam mempunyai tanggungjawab menyampaikan agama Islam kepada orang yang tidak mengetahuinya. Setiap individu muslim akan menjadi sponsor daripada agamanya dalam arti bahawasanya seluruh perkataan, perbuatan, perilaku dan cara berfikir harus mencerminkan Islam.

Dakwah dalam arti amar ma’ruf nahi munkar adalah syarat mutlak bagi kesempurnaan dan keselamatan hidup masyarakat. Ini adalah kewajiban sebagai pembawa fitrah manusia selaki “social being”, dan kewajiaban yang ditegaskan oleh risalah. Sebagaimana dalam firman Allah SWT.

كنتم خير أمة أخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر وتؤمنون بالله ولو امن أهل الكتاب لكان خيرا لهم منهم المؤمنون وأكثرهم الفاسقون.

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka; diantara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang fasik.”

(Ali Imran 3:110).

Islam adalah Agama Risalah untuk manusia keseluruhannya. Sementara umat islam adalah pendukung amanah, untuk meneruskan Risalah dengan dakwah, baik sebagai umat kepada umat-umat yang lain ataupun selaku perseorangan ditempat manapun mereka berada, menurut kemampuan masing-masing. (Al-Banna. t. 2012: h. 109)

Sebagai rumusannya, bahawa pengertian daripada dakwah itu sendiri ialah mengajak umat manusia untuk mengenal Allah SWT dengan cara memahami ajarannya. Disamping itu juga dakwah mewajibkan bagi setiap muslim menjadi iklan kepada semua manusia. Apa-apa yang terkeluar dari pribadi muslim tersebut dari perbuatan, perkataan, perilaku dan cara berpikir haruslah mencerminkan Islam.

III. Pembahagian Dakwah Islamiah

Ghazali Darusalam dan Isma’il membahagiakan dakwah kepada dua bahagian utama iaitu: (Ghazali 1996: h. 12).

III. 1. Dakwah kepada sesama Muslim

Dakwah yang dijalankan dengan cara nasehat-menasehati sesama Muslim supaya berbuat kebajikan dan mencegah daripada melakukan perkara-perkara munkar. Tugas ini diberikan kepada orang islam yang lebih mengerti dan menguasai selok-belok syariat agama Islam seperti firman Allah s.w.t:

وما كان المؤمنون لينفروا كافة فلولا نفر من كل فرقة منهم طائفة ليتفقهوا في الدين ولينذروا قومهم إذا رجعوا إليهم لعلهم يحذرون.

“Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang mukmin itu pergi semuanya (kemedan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan diantara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.”

(At taubah 9:122).

III. 2. Dakwah kepada non-Muslim

Dakwah yang dijalankan dengan menyebarkan agama islam kepada golongan non-Muslim. Ia wajib dilakukan oleh semua umat Islam kerana mereka ialah sebaik-baik umat yang dipilih untuk menyeru kepada berbuat kebajikan dan mencegah kemungkaran. Tugas ini ditetapkan kepada orang Islam yang dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan mengerti tanggungjawab yang dipikul. Firman Allah SWT:

كنتم خير أمة أخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر وتؤمنون بالله ولو امن أهل الكتاب لكان خيرا لهم منهم المؤمنون وأكثرهم الفاسقون.

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka; diantara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang fasik.”

(Ali Imran 3:110).

Sebagai kesimpulannya, bahawasanya dakwah itu sendiri terbagi menjadi dua bahagian, yang pertama dakwah kepada sesama muslim iaitu dengan cara nasehat-menasehati sesama muslim untuk berbuat kebajikan dan meninggalkan perkara-perkara yang munkar menurut agama Islam. Sedangkan yang kedua iaitu kewajiban dakwah kepada non muslim dengan cara menyebarkan agama Islam kepada mereka dengan hikmah dan pelajaran yang baik.

IV. Syarat – Syarat Untuk Mencapai Keberhasilan Dakwah

Untuk mencapai suatu keberhasilan dakwah seorang muslim, ada beberapa hal penting yang mesti diambil berat, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Abu Hasan An-Nadwi, bahawasanya “untuk mencapai keberhasilan dakwah, harus memperhatikan tiga hal:

IV. 1. Penanaman Prinsip-Prinsip dan Keimanan

Marhalah dakwah serta penanaman prinsip-prinsip dan keimanan didalam hati harus mendahului aktifitas yang lainnya. meskipun marhalah ini memerlukan masa yang sangat panjang, namun keteguhan para aktifis dakwah kepadanya dan kesungguhan mereka dalam berjihad dijalan-Nya, akan dapat mensukseskan marhalah-marhalah berikutnya dan dapat memberikan buah yang masak dan menyenangkan.

IV. 2. Membentuk Kader yang Akan Memikul Dakwah

Dalam membentuk seorang kader dakwah yang akan menyebarkan Agama Islam diseluruh pelosok dunia, haruslah terlebih dahulu memperhatikan dan mengatur langkah-langkah perjalannya, dan memenuhi disetiap kekosongan yang ada didalamnya. Meskipun kuatnya suatu pergerakan dakwah, atau lembaga, bila ia tidak secara berterusan dalam membina kader, maka akan terancam kehancuran.

IV. 3. Pengokohan Hati dan Nurani

Pengokohan hati dan nurani disini dengan memberikan makanan yang dapat menjaga keberlangsungan aktifitas dan semangat dakwah serta menggantikan kekuatan yang telah mereka curahkan. Sebab seorang kader dakwah sebarangpun kokohnya ia seperti lampu, bila minyaknya habis maka akan segera padam. Masalah ini sangat penting, kerana bila tidak segera dihidupkan, maka jiwa akan menjadi *future* dan perasaan menjadi dingin dan akhirnya mundur. (al-Khatib, 2001: h. 156).

Penulis tafsir ‘Fi Zhilalil Quran’ menyatakan:

“Boleh jadi orang yang paling semangat, adalah yang paling mudah berkeluh kesah, paling lebur dan paling kalah saat menjumpai keseriusan dan saat terjadi sebuah peristiwa, bahkan boleh jadi ini sudah menjadi sebuah kaedah. Sebab semangat, antusiasme dan keberanian yang berlebihan biasanya muncul dari kurangnya perhitungan terhadap hakekat beban yang akan dipikul, bukan muncul dari keberanian (syaja’ah), sikap tahan uji, dan kedisiplinan. Ia juga muncul dari kecilnya sifat tahan uji dalam menghadapi kesusahan, gangguan dan kekalahan. Sehingga membuatnya tergerak termotivasi dan melakukan pembelaan dengan cara apapun juga, tanpa mempertimbangkan bebad-beban gerakan, antusiasme dan pembelaan tersebut. Kerana itu, saat mereka dihadapkan kepada beban-beban yang lebih berat dari yang mereka duga, serta lebih sukar dari apa yang mereka bayangkan, maka mereka adalah barisan pertamakali yang akan berkeluh kesah, mundur dan kalah. Sebaliknya, orang-orang yang dapat mengendalikan jiwanya, menanggung gangguan dan kesukaran beberapa saat, menyiapkan pembekalan untuknya, dan mengenali hakekat beban yang akan dipikul serta sejauhmana kekuatan jiwanya dalam memikul beban tersebut, akan mampu bersabar, tidak tergesa-gesa dan menyiapkan segala sesuatunya.” (Said Qutb. 1992: h. 712).

Sebagai rumusnya, syarat-syarat untuk mencapai keberhasilan suatu dakwah haruslah adanya penanaman prinsip-prinsip dan keimanan dihati setiap para pendakwah. Dan ini merupakan diantara perkara yang amat penting. Kemudian dengan pembentukan kader pendakwah yang akan menyebarkan agama Islam keseluruh dunia dan diiringi dengan pengokohan hati dan nurani iaitu dengan cara memberikan makanan yang dapat menjaga keberlangsungan aktifitas dan semangat dakwah. Sebab sekokoh apapun seorang pendakwah ia ibarat lampu jika minyaknya habis maka akan segera padam.

V. Jatidiri Muslim

V. I. Pengertian Jatidiri

Menurut Kamus Dewan Edisi 2004, Jatidiri ditakrifkan sebagai sifat atau ciri yang unik dan istimewa, dari segi adat, budaya, bahasa, agama dan lain sebagainya, yang menjadi teras dan lambang kepribadian seseorang individu suatu bangsa dan lain sebagainya, atau dengan kata lain bahawasanya jatidiri ialah identity seseorang individu. Jatidiri yang ditakrifkan bukan suatu yang dapat dilihat dan diukur dengan mata kasar kerana ia adalah suatu sifat dalaman yang terletak dilubuk hati seseorang yang berupa keyakinan dan kepercayaan yang dizahirkan melalui dengan akhlaq dan kepribadiannya.

Menurut Ibn Miskawaih bahawasanya jatidiri itu merupakan tipe manusia yang selalu mengarahkan dirinya pada akhlaq yang terpuji dan tingkahlaku yang mulia dengan segala keutamaan-keutamaannya (Azhar Basyir, A. 1983: t. h). Sedangkan jatidiri muslim iaitu yang menjalankan perintah agama dan menjauhi larangannya dengan ketaatan disertai dengan tingkahlaku yang mulia sesuai dengan ajaran Islam. Sebagaimana dalam firman Allah SWT:

قد أفلح المؤمنون الذين هم في صلاتهم خاشعون والذين هم عن اللغو معرضون والذين هم للزكاة فاعلون والذين هم لفروجهم حافظون إلا على أزواجهم أو ما ملكت أيمانهم فإنهم غير ملومين.

“*Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman iaitu yang khusuk dalam sholatnya dan orang-orang yang menjauhkan dirinya dari (perkataan dan perbuatan) yang tidak berguna. Dan orang yang menunaikan zakat dan orang yang memelihara kemaluannya kecuali terhadap istri-istri mereka dan hamba sahaya yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka tidak tercela.*”

(al-Mukminun: 1-6).

V. 2. Syarat Menjadi Seorang Muslim Hakiki

Islam adalah agama Allah dan sebagainya alam semesta, bukan agama untuk satu bangsa tertentu. Islam adalah agama dunia dan seluruh manusia. Kerana itulah dakwah bukan hanya untuk satu golongan tertentu namun ianya merangkul untuk semua golongan. Dakwah islamiah datang untuk membentuk seseorang menjadi muslim sejati. Seorang muslim sejati disini adalah seorang muslim yang utuh dan memangku seorang muslim yang sempurna. Begitu pula halnya pengertian sebenarnya dari “seorang muslim”. Jadi syarat muslim yang hakiki adalah.

- a). Bertauhid
- b). Ittiba’ (imtitsal)
- c). Tazkiyah

Muslim yang hakiki adalah yang bersaksi kepada ketunggalan Allah SWT dan melaksanakn perintahnya serta menjauhi larangan dan mentazkiahkan jiwanya dengan dinul Islam. Manhaj tarbiah ini adalah manhaj dakwah salaf sebagaimana yang diterangkan dalam pokok-pokok salaf .

kami menggunakan kata muslim hakiki memisahkan daripada orang-orang yang menumpang menggunakan nama islam padahal pada hakekatnya mereka bukanlah muslim kerana perbuatan yang menyekutukan Allah SWT. Merubah (bahkan menentang ayat-ayat Allah) dan berhukum kepada yang bukan syariat islam serta menolak sunah-sunah nabi, orang-orang semacam itu tidak dapat dikategorikan seorang muslim hakiki. Urgensi pertama dakwah disini

adalah taklim, tarbiah, dan sina'ah, setelah melalui tahapan takrif (pengenalan) dan bayan (penelasan) terhadap kepeahaman islam yang sebenarnya. (Abdur Rahman Abdul Khaliq, 1982: h. 44).
Prioritas ini mengingatkan sabda Nabi saw.

فوالله، لأن يهدي الله بك رجلا واحدا خير لك من حمر النعم. (رواه البخاري).

“Demi Allah, melalui kamu Allah memberi hidayah kepada satu orang, lebih baik buat kamu dari humurun na’am (binatang yang paling disukai)”.

(Riwayat Bukhari).

Hidayah terhadap satu orang merupakan nikmat yang besar dan bentuk amal yang mulia, baik mereka orang kaya maupun orang miskin, atau orang yang terhormat maupun orang miskin. Cukup menjadi pelajaran buat kita tentang teguran Allah kepada Rasulullah saw sewaktu beliau memalingkan muka dari Abdullah bin Umi Maktum yang buta, kerana pada waktu itu Rasulullah saw lebih condong kearah seorang pembesar bangsawan quraisy, padahal Abdullah bin Umi Maktum datang kehadapannya untuk mencari hidayah (petunjuk). Hal ini sempat diungkapkan Allah dalam firman-Nya:

عبس وتولي أن جاءه الأعمى وما يدريك لعله يزكى أو يذكر فتنتفه الذكرى.

“Dia (Muhammad) bermuka masam dan berpaling, kerana telah datang seorang buta kepadanya. Tahukah kamu barangkali ia ingin membersihkan dirinya (dari dosa), atau dia (ingin) mendapatkan pengajaran, lalu pengajaran itu memberi manfaat kepadanya?”.

(Abasa 1-4).

Kemudian Allah berfirman:

أما من استغني فأنت له تصدي.

“Adapun orang yang merasa dirinya serba cukup, maka kamu melayaninya”.

(‘Abasa 5-6).

Dari ayat tersebut bahwasanya Allah menegur Muhammad saw yang lebih mendahulukan melayani pembesar yang congkak terhadap Allah SWT, padahal sebetulnya tidak ada gunanya melayani mereka kerana orang yang sombong amat sulit biasa mentazkiahi diri. kerana itulah Allah SWT dalam surat yang sama kembali berfirman:

وما عليك ألا يزكى.

“Padahal tidak ada (celaan) keatasmu kalau dia tidak membersihkan diri (beriman)”.

(‘Abasa 7).

Allah SWT mempertanyakan perihal tersebut kepada Nabi-Nya saw, “ mengapa engkau memalingkan muka, tidak mempedulikan seseorang yang takut kepada Allah SWT dan mengharap ridh-Nya?” perhatikanlah firman-Nya dibawah ini:

وأما من جاءك يسعى وهو يخشي فأنت عنه تلهي.

“Dan adapun orang yang datang kepadamu dengan bersegera (untuk mendapatkan pengajaran), sedang ia takut kepada (Allah), maka kamu mengabaikannya.”

(‘Abasa 8-10).

Dengan demikian kita harus memahami urgensi dan tujuan pertama dari dakwah islam. Allah SWT mencurahkan hidayah agar manusia bisa menerimanya, dan tentu saja semua akan masuk kedalam hati manusia bila atas taufik-Nya dan bila Dia melapangkan dada kita. (Abdur Rahman Abdul Khaliq, 1982: h. 45).

Sebagai rumusnya, jatidiri muslim itu ialah segala sesuatu yang ia lakukan berlandaskan dengan ajaran agama Islam. Iaitu mematuhi semua aturan agama. Disamping itu juga syarat menjadi seorang muslim hakiki ialah bertauhid kepada Allah s.w.t, bersaksi bahwasanya tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT. dan berittiba’ iaitu dengan cara mengikuti ajaran agama melalui pengkajian terlebih dahulu. Dan yang terakhir ialah tazkiyah iaitu dengan cara mendidik jiwa dari setiap keadaan yang berlaku, dengan bersabar, taat, dan lain sebagainya, ini semua merupakan langkah-langkah untuk menjadi seorang muslim yang hakiki.

VI. Dakwah Sebagai Madrasah Pengokohan Jatidiri Seorang Muslim

Keyakinan yang kuat harus tertanam dalam jiwa dan kebangkitan ruh seorang muslim, untuk mengajak manusia kejalan Islam harus memiliki pengaruh yang nyata dalam kehidupan muslim. Untuk sampai ketahap yang demikian seorang muslim mesti memiliki amal kebaikan yang ada pada dirinya. Kebangkitan ruh ini akan berpengaruh dalam diri seorang muslim. Iapun akan menjadi figur yang dikehendaki oleh Islam itu sendiri. diantara pengaruh dari dakwah islamiah dalam membentuk jati diri seorang muslim:

VI. 1. Menjadikan Seorang Muslim Yang Peka Terhadap Lingkungan

Islam sangat menghendaki seorang muslim yang peka terhadap lingkungan disekitarnya, sehingga mampu membezakan antara kebaikan dan keburukan. Islam juga menginginkan kepekaan yang benar dalam memahami sesuatu itu “benar” atau “salah” sebuah keinginan yang kuat yang tidak akan pernah melemah dalam membela kebenaran, tubu sehat dan mampu mengemban tugas kemanusiaan secara baik, dan menjadi perangkat yang layak dalam mewujudkan cita-cita mulia, serta mampu membawa misi kebenaran dan kebijakan kepada matlamatnya. (Albana Hasan, 2012: h.153).

VI. 2. Menjadikan Seorang Muslim yang Taat Dalam Beribadah

Islam telah meletakkan tugas-tugas individu yang mampu mengantarkan kita kepada pencapaian. Dalam ibadah, seorang muslim disini mampu menghubungkan hatinya kepada Allah SWT dan mengasah kepekaan hati nurani sehingga memiliki perasaan halus.

VI. 3. Menjadikan Seorang Muslim Yang Memiliki Kualitas Intelektual Dan Pemikiran Yang Cemerlang

Dakwah islamiah merupakan dakwah yang mampu menjadikan seorang muslim memiliki intelektual dan cara berfikir yang cemerlang dalam menyingkap rahasia-rahasia alam dan mengetahui secara mendalam tentang kejadian-kejadian alam nyata.

VI. 4. Menjadikan Seorang Muslim Yang Memiliki Akhlaq Yang Mulia

Dalam bidang akhlaq, dakwah islamiah sangat menganjurkan kepada setiap individu seorang muslim untuk memiliki sifat mahmudah tersebut, kerana dalam mengemban dakwah islamiah, seorang muslim akan dinilai oleh masyarakat sekitar, sehingga gerak-geriknya akan menjadi contoh kepada masyarakat tersebut. Dengan demikian akhlaq yang islami sangat dianjurkan untuk dimiliki setiap pendakwah.

Akhlaq Islami akan ditemukan dalam cara untuk membina diri sehingga terwujud kemauan yang kuat dan tekad yang membaja. Dengan cara mengikuti Syariat Islam yang benar, seperti tata cara mengatur makan, minum, tidur dan apa saja yang berkaitan dengan aspek kehidupan. Yang jika dilaksanakan oleh seorang muslim maka ia akan terhindar daripada penyakit yang tiada obatnya. Dan ia akan selalu berhati-hati dari ancaman pelbagai jenis penyakit.

Oleh kerana itu sangat dianjurkan kepada setiap individu muslim mampu beribadah sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah SWT untuk meningkatkan kualitas ruhaniah, belajar apa saja untuk memperluas pengetahuan dalam berfikir, berakhlaq islami untuk menguatkan iradahnya, dan berkomitmen dengan tata aturan Islam dalam hal makan, minum dan tidur sehingga Allah SWT senantiasa menjaganya dari marabahaya. Kedudukan ini bukan hanya diperuntukkan kepada golongan lelaki sahaja, namun ianya juga diperuntukkan kepada golongan perempuan, keduanya memiliki kedudukan yang sama dalam pandangan Islam. (Albana Hasan, 2012: h.154).

VI. 5. Menciptakan Masyarakat Muslim Yang Berdiri Diatas Kalimatullah

Tujuan kedua daripada dakwah salaf ialah untuk menciptakan masyarakat muslim yang berdiri diatas pondasi batu yang telah disusun dan diatur menurut asas-asas aqidah dan manhaj kerana Allah memiliki hukum-hukum didalam muammalah, pidana, dan politik. Hukum-hukum tersebut tidak terlaksana bila masyarakat belum beragama diullah. Menurut kacamata islam, seorang muslim tidak akan merasa nyaman, aman, dan tenang bila tidak berada dibawah naungan masyarakat muslim yang memiliki undang-undang syariat islam, tidak mengagungan kebesaran silam dan tidak menghidupkan syiar-syiar islam.

Sejak orang-orang kafir menguasai bumi islam mereka merobek-robek syariat dan memksakan kekufuran kepada msyarakat muslim. Kaum muslim diseluruh dunia dipaksa untuk berundang-undang kepada peraturan mereka maka dari itulah umat muslim mendapatkan cubaan yang luar biasa kerana pada dasarnya kita telah lama amat sangat merindukan kehidupan islam yang sebenarnya. Dimana para penguasa akrab dengan rakyat tidka ada kezaliman dan yang dizalimi dan kehidupan penuh dengan kenyamanan baik dalam harta maupun kehormatan.

Didalamnya ada rasa saling mencintai, dengan penuh keikhlasan bersih dari rasa takut terhadap segala fitnah dan penuh dengan izzah. Manhaj dakwah yang sekarang ini masih belum mampu untuk menangani kendala yang menghalangi erjalanannya. Kemurtadan bertebaran dimana-mana dan yang amat menyedihkan otak generasi kita telah dipenuhi dengan nilai-nilai yang bertentangan dengan islam .kemurtadan ini semakin meraja lela kerana factor media yang luar biasa gencarnya. Dan semua sarana media itu dikontrol oleh orang2 kafir, system pendidikan yang terprogram yang telah terancang sedemikian rupa oleh orang-orang kafir, juga terus diarahkan untuk menghancurkan akidah umat Islam. (Abdur Rahman Abdul Khaliq, 1982: h. 45).

Sebagai kesimpulannya, bahwasanya dakwah itu sendiri merupakan madrasah pengokohan jatidiri seorang muslim. Dengan dakwah seorang muslim mampu menjadi manusia yang peka terhadap lingkungannya, disamping itu juga ia akan menjadi seorang muslim yang taat kepada agama dengan cara melakukan ibadah-ibadah fardu. Dan dakwah itu sendiri juga menjadikan seorang muslim yang memiliki kualitas intelektual dan pemikiran yang cemerlang, dengan mencerminkan akhlaqul karimah disetiap tindakannya. Sehingga dengan terbentuknya seorang muslim yang memiliki jatidiri sesuai dengan ajaran agama maka keadaan ini mampu menciptakan masyarakat yang berdiri diatas kalimatullah iaitu masyarakat yang melaksanakan syariat agama Islam.

VII. Kesimpulan

Islam adalah agama yang membawa kebenaran, Islam juga menjadi pedoman makhluk hidup didunia. Agama Islam diturunkan oleh Allah SWT untuk menyelamatkan manusia dari zaman jahiliah menuju zaman yang penuh dengan cahaya kebenaran. Dakwah Islam bukanlah semata-mata hanya sekedar mengajak seseorang untuk mengenal Allah SWT sahaja, namun ianya juga dapat menjadikan seorang muslim yang memiliki jatidiri yang baik. Dakwah Islam juga datang bukan hanya untuk satu golongan, tapi ia datang untuk semua golongan, dakwah islamiah tidak memandang derajat seseorang, ia merangkul semua status sama ada petani, buruh, guru, doctor dan lain sebagainya. Ia datang untuk menyeru manusia kepada jalan yang benar, mengajak manusia untuk membenahi tatacara hidup didunia secara islami.

Dakwah islamiah pertama kali datang pada zaman Nabi Nuh a.s, dimana awal mula dakwah yang diseru oleh Nabi Nuh a.s adalah tentang mentauhidkan Allah SWT. pada zaman sekarang, banyaknya penyimpangan-penyimpangan dalam beragama, maka dakwah merupakan suatu yang diwajibkan keatas semua orang-orang muslim. Mengajak manusia kepada jalan yang benar merupakan perintah Allah s.w.t. sebagaimana dalam firman-Nya yang bermaksud: *“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka; diantara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang fasik.* (Ali Imran 3:110). Dari ayat ini dapatlah kita simpulkan bahwasanya dakwah itu sendiri menjadi suatu keharusan bagi umat Islam. Kerana umat Islam yang termaktub dalam ayat ini merupakan umat yang terbaik, yang dilahirkan untuk menyeru manusia kepada yang makruf dan meninggalkan yang munkar.

Kesimpulannya, bahwasanya dakwah Islam itu sendiri merupakan sebuah madrasah tempat pembentukan karakter seorang muslim. Dimana dengan datangnya dakwah Islam, menjadikan seorang muslim mampu untuk patuh dan taat terhadap perintah Agama Islam. Dakwah Islam juga mampu menjadikan seorang muslim peka terhadap keadaan disekitarnya. Rasa tolong-menolong yang tinggi muncul dari jiwa seorang muslim tersebut. Disamping itu juga, dakwah merupakan tempat madrasah yang mampu membentuk seorang muslim memiliki akhlaq yang mulia. Sehingga dengan karakter-karakter yang dibentuk melalui dakwah ini, seorang muslim mampu menciptakan sebuah masyarakat yang berdiri diatas kalimatullah. Waallahua'lamu bishowab.

Rujukan

- [1] Abdur Rahman Abdul Khaliq. 1982. *al ushul al 'Llmiyatu li ad da'wati as salafiyah, jam'iyatu ihya at turotsi al islamiy.* ad Daru as Salafiyatu – Kuwait.
- [2] Ab. Aziz Mohd Zin. 1997. *Pengantar Dakwah Islamiah.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- [3] Al-Aluri, Adam 'Abd Allah. 11989. *Tarikh al-Dakwah al-Islamiah Bayn al-'Ams 'Ila al-Yawm.* Kaherah: Maktabah Wahbah.
- [4] Albana, Hasan. 2012. *Majmu'ah Rasailil Imam Asy-Sahid Hasan Al-Bana.* Pajang: PT Era Adicitra Intermedia.
- [5] Al-Khatib Muhammad Abdullah. 2001. *Konsep Pemikiran Gerakan Ikhwan.* Bandung. Asy Syaamil.
- [6] Al-Ghazali, Muhammad. 1981. Ma'a Allah: *Dirasat fi al-Da'wah al-Du'at.* Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Islamiy.
- [7] Al-Qardawi, Yusuf. 1979. *Thaqafah al-Da'iah.* Beirut: Mu'assasah ar-Risalah.
- [8] Al-Sayyid Nawfal, Abu al-Majd. 1977. Al-Da'wah 'ila Allah Ta'ala: *Khasa'isuha Muqawwimatuha Manahijuha.* Kaherah: Matba'ah al-Hadarah al-'Arabiyyah.
- [9] Azhar Basyir, A. 1983. *Miskawaih: Riwayat Hidup Dan Pemikiran Filsafatnya.* Yoqyakarta. Nur Cahaya.
- [10] Syalabi, Ra'uf. 1982. *Sikulugiyah al-Ra'wa al-Da'wah.* Kuwait: Dar al-Qalam.
- [11] Sayyid Quthb. 1992. *Fi Zhilalil Qur an.* Beirut. Darusy Syuruq.